

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PGM 231 – Perspektif-Perspektif Kurikulum

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat bercetak sebelum menjawab peperiksaan.

ARAHAN:

Jawab **EMPAT (4)** soalan semuanya. Jawab soalan **nombor 1** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain.

Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan pilihan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jawab soalan **nombor 1** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain.

1. Matlamat Kurikulum Laporan Razak (1956) dan Laporan Kabinet (1979) dikatakan berasas perpaduan negara. Buat satu analisis dengan menyatakan bukti khusus tentang kenyataan ini.
(40 markah)

2. Falsafah humanisme bermatlamatkan pembangunan individu yang menyeluruh, manakala falsafah progresivisme bermatlamatkan pembangunan masyarakat dan negara.

Bincangkan kepentingan kedua-dua falsafah ini daripada perspektif Kurikulum Kebangsaan?
(20 markah)

3. Penambahbaikan dalam kurikulum bermakna berlaku perubahan. Cadangkan ciri-ciri kerelevanan sebuah kurikulum pada masa kini.
(20 markah)

4. Falsafah kurikulum menegaskan kemutlakan, kebagusan dan keindahan sebagai teras dalam pembinaan kurikulum. Berasaskan contoh yang sesuai. Huraikan landasan-landasan terbentuknya suatu kurikulum dengan memberikan contoh yang sesuai.
(20 markah)

5. 'Pendekatan Keluaran' (Product Approach) menggariskan enam jenis insan pelajar yang boleh dilahirkan melalui institusi pendidikan. Bincangkan tiga daripada insan pelajar.
(20 markah)

6. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di Malaysia lebih berfokus kepada pemikiran yang wujud dalam Falsafah Pendidikan Negara. Apakah implikasi KBSM terhadap pengajaran dan pembelajaran. Jelaskan.
(20 markah)